

Nelayan Kelantan hanya tangkap 10,549 tan ikan

UM 13/9/2024 P9 35

KOTA BHARU: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mendedahkan nelayan di negeri ini hanya menangkap ikan sekitar 10,549 tan metrik sekaligus meletakkan hasil tangkapan Kelantan di kedudukan ke-10 daripada 13 negeri seluruh negara.

Pengerusi LKIM negeri, Muhammad Faiz Fadzil berkata, jumlah itu jauh ketinggalan berbanding Perak iaitu 223,857 tan metrik yang menduduki tempat pertama hasil tangkapan.

Menurutnya, jumlah rendah itu disebabkan 80 peratus

daripada 3,613 orang adalah nelayan pesisir pantai.

“Sumber ikan di negeri ini cukup berpotensi kerana lautnya luas iaitu Laut China Selatan, namun tidak mempunyai kekuatan vesel seperti nelayan di Perak dan Sabah,

“Nelayan di sini hanya guna pukat dan hasilnya menjadi sedikit,” katanya kepada pemberita selepas majlis pernyerahan Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan B40 dan pelancaran Kibar Jalur Gemilang Bot Nelayan di LKIM Kuala Besar di sini, semalam.